



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 5 DISEMBER 2023**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## Karnival Beli Barang Malaysia mulai 13 Dis.

**PUTRAJAYA** — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) akan menganjurkan Karnival Beli Barang Malaysia 2023 (KBM 2023) pada 13 hingga 17 Disember ini di Pusat Pameran dan Konvensyen IOI serta IOI City Mall, di sini.

KPDN dalam kenyataan berkata, karnival ini akan melibatkan lebih 100 pempamer merangkumi pelbagai produk, dari seni tradisional hingga inovasi moden.

Katanya, pengunjung berpeluang untuk meneroka dan melihat kepelbagaiannya produk Malaysia selain peluang baik bagi pengguna untuk menemui serta menyokong perniagaan produk tempatan.

"KBM 2023 yang bakal berlangsung selama lima hari bertujuan untuk mempamerkan dan meraikan kepelbagaiannya, kualiti, dan inovasi produk Malaysia.

"Antara objektif utama yang ingin disampaikan oleh KPDN adalah produk tempatan Malaysia bukan sahaja mempunyai kualiti bertaraf dunia, tetapi juga mempunyai potensi besar untuk dipasarkan ke luar negara.

"Melalui peningkatkan pengiktirafan dan penjenamaan di peringkat global, produk Malaysia dapat menjadi duta bagi budaya dan warisan negara," katanya semalam.

Jelas kenyataan itu, pelbagai inisiatif strategik telah dirancang oleh kerajaan melalui KPDN untuk membantu perniagaan dan industri tempatan mencapai kejayaan baharu sama ada di peringkat domestik maupun antarabangsa.

"Orang ramai dijemput hadir beramai-ramai untuk memeriahkan KBM 2023 pada kali ini," ujarnya.

Peniaga enggan jual minyak peket kepada penduduk tempatan

## 'Hanya untuk warga asing'

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD. NOR

**IPOH** – Seorang peniaga berdepan tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 selepas didapati menyorok minyak masak peket bersubsidi yang merupakan barang kawalan di sebuah premis di Desa Chepor Indah, Chemor di sini kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, tindakan menyorok minyak masak peket itu dikesan dilakukan peniaga tersebut oleh sepasukan penguat kuasa.

Beliau berkata, serbuan kira-kira pukul 12.04 tengah hari itu adalah hasil aduan orang awam yang mengadu peniaga itu enggan menjual minyak masak peket kepada warga tempatan, namun warga asing boleh membelinya.

"Satu tindakan penyamaran melalui Ops Samar telah dilakukan oleh pegawai penguat kuasa KPDN. Pegawai yang menyamar sebagai pembeli tempatan ini telah melakukan uji beli minyak masak peket tetapi peniaga tersebut memaklumkan bahawa minyak masak sudah habis dijual.

"Curiga dengan kenyataan peniaga tersebut, sepasukan penguat kuasa KPDN Perak telah bertindak melakukan pemeriksaan menyeluruh ke atas kedai runcit tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kamalludin berkata, hasil pemeriksaan tersebut telah berjaya menemui sebanyak lima kotak minyak masak peket 1 kilogram (kg) yang diletakkan di tepi kaunter dan di bahagian belakang premis.



**ANGGOTA** penguat kuasa KPDN memeriksa minyak masak paket yang disorok seorang peniaga premisnya di Desa Chepor Indah, Chemor, Ipoh kelmarin. – FOTO IHSAN KPDN

Menurut beliau, seorang wanita tempatan berumur 37 tahun yang mengaku sebagai pemilik premis gagal memberikan jawapan jelas kenapa minyak tersebut tidak dijual kepada pembeli, malah memaklumkan bahawa minyak masak telah habis apabila diminta.

"Pemantauan yang dilakukan ke atas premis juga mendapat kedai runcit yang beroperasi

bermula pukul 8 pagi hingga 9 malam ini sering dikunjungi oleh warga asing.

Tambah beliau, kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16A(1)(b) iaitu enggan menjual barang kawalan kecuali dengan kebenaran Pengawal atau mana-mana pengawal bekalan yang diberi kuasa oleh Peng-

wal secara bertulis.

"Jika sabit kesalahan seseorang selain dari badan korporat boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau tidak melebihi tiga tahun penjara atau kedua-duanya.

"Bagi mana-mana badan korporat yang melakukan suatu kesalahan terhadap akta ini apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM2 juta," katanya.




KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



**DOCUMENT CHECKS ...** Officers from the Companies Commission of Malaysia carrying out inspections at a premises at GM Klang Wholesale City in Klang yesterday. — **BERNAMAPIC**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 5 DISEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-Dec	Karnival Barang Malaysia 2023 bermula 13 Disember ini	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/12/04/karnival-barangan-malaysia-2023-bermula-13-disember-ini/">https://malaysiagazette.com/2023/12/04/karnival-barangan-malaysia-2023-bermula-13-disember-ini/</a>	MALAYSIAGAZETTE
5-Dec	Karnival Barang Malaysia 2023 promosi produk tempatan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/12/1184996/karnival-barangan-malaysia-2023-promosi-produk-tempatan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/12/1184996/karnival-barangan-malaysia-2023-promosi-produk-tempatan</a>	BH
5-Dec	Karnival barang malaysia pada 13 hingga 17 Dis	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2250773">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2250773</a>	BERNAMA
5-Dec	Karnival Barang Malaysia pada 13 hingga 17 Disember	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/node/1037053/amp">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/node/1037053/amp</a>	HM
5-Dec	4 DIS 2023 – SPM – KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA 2023	<a href="https://youtu.be/zSEf5g9Qmxs?si=Q5S1MPZ3vXSThPQz">https://youtu.be/zSEf5g9Qmxs?si=Q5S1MPZ3vXSThPQz</a>	BERITARTM
5-Dec	Sorok minyak masak peket, jual kepada warga asing	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/637995/edisi/perak/sorok-minyak-masak-peket-jual-kepada-warga-asing">https://www.sinarharian.com.my/article/637995/edisi/perak/sorok-minyak-masak-peket-jual-kepada-warga-asing</a>	SH
5-Dec	Sorok minyak masak peket, peniaga berhadapan denda RM1 juta	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/04/sorok-minyak-masak-peket-peniaga-berhadapan-denda-rm1-juta/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/04/sorok-minyak-masak-peket-peniaga-berhadapan-denda-rm1-juta/</a>	KOSMO

5-Dec	KPDN serbu kedai enggan jual minyak masak peket	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/kpdn-serbu-kedai-enggan-jual-minyak-masak-peket/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/kpdn-serbu-kedai-enggan-jual-minyak-masak-peket/</a>	UM
5-Dec	KPDN serbu kedai sorok minyak masak peket, hanya jual kepada warga asing	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-kedai-sorok-minyak-masak-peket-hanya-jual-kepada-warga-asing-448752%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-kedai-sorok-minyak-masak-peket-hanya-jual-kepada-warga-asing-448752%3famp=1</a>	ASTROAWANI
5-Dec	Peniaga wanita hanya jual minyak masak kepada warga asing	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/12/1037124/peniaga-wanita-hanya-jual-minyak-masak-kepada-warga-asing">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/12/1037124/peniaga-wanita-hanya-jual-minyak-masak-kepada-warga-asing</a>	HM
5-Dec	Enggan jual minyak masak kepada warga tempatan, peniaga wanita berdepan tindakan	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2250845">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2250845</a>	BERNAMA
5-Dec	Peniaga jual minyak masak bersubsidi kepada warga asing berdepan tindakan	<a href="https://selangorkini.my/2023/12/peniaga-jual-minyak-masak-bersubsidi-kepada-warga-asing-berdepan-tindakan/">https://selangorkini.my/2023/12/peniaga-jual-minyak-masak-bersubsidi-kepada-warga-asing-berdepan-tindakan/</a>	SELANGORKINI
5-Dec	Sorok minyak masak peket, jual kepada warga asing	<a href="https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2023/12/04/sorok-minyak-masak-peket-jual-kepada-warga-asing-3/">https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2023/12/04/sorok-minyak-masak-peket-jual-kepada-warga-asing-3/</a>	SH